





BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bil. 25 Januari 2007



Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali B. Hj. Abdul Rahman telah terpilih untuk menerima Anugerah Penghargaan Maal Hijrah bagi tahun 1428H. Ia bersempena dengan sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1428H pada 20 Januari 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah berkenan mengurniakan Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah kepada Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali. Penghargaan ini diberi berdasarkan pada sumbangan cemerlang beliau dalam bidang kehakiman syariah di negara ini selama hampir 40 tahun. Seorang lagi Penerima Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah tahun ini ialah Y.Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Johor Corporation. Tetamu kehormat lain yang turut hadir di majlis tersebut ialah Y.A.B. Perdana Menteri, dan menteri-menteri Kabinet bersama isteri masing-masing.

>>mukasurat 8



sidang redaksi

Penaung / Penasihat

Y.A.A. Datuk Sheikh Ghazali Hj. Ab.
Rahman
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
JKSM

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohamad bin Haji Abdullah

Sidang Pengarang

Tuan Mohd Amran bin Mat Zain
Tuan Khairul Nizam bin Zainon
Tuan Haji Nassir bin Hj. Abdul Aziz
Tuan Haji Mohammad Adib bin Husain
Tuan Adam bin Tumiran
Tuan Mohd Asri bin Tahir
Tuan Hasib bin Mansor
Encik Azmee Hj. Hussin

Produksi dan Edaran

Encik Mohamad Nor bin Abu Bakar
Cik Zurain binti Zulkarnain

Jurugambar

Encik Sul Bhari bin Saad

Susunatur dan Grafik

Azmee Hj. Hussin

Buletin ini diterbitkan oleh
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62677 PUTRAJAYA
Tel: 03-8886 4800 Fax : 03-8889
1627
Laman Web: www.esyariah.gov.my

dari ketua pengarang

Pada kebiasaannya apabila tahun baru menjelang tiba, kita menyambutnya dengan semangat yang baru, azam baru, diari baru, tempoh masa yang baru dan segala-galanya baru. Saya menyeru dengan penuh kesedaran keinsafan agar kita semua warga kerja institusi kehakiman syariah agar lebih berdisiplin, bersemangat, jujur, mengutamakan kebaikan dan menjauhkan kejahatan. Menilai atau memuhasabah diri berdasarkan tempoh masa memang digalakkan. Menyambut kedatangan tahun baru ini adalah wajar bagi setiap Muslim mengimbas kembali bagaimana masa yang telah digunakan setahun yang lalu. Setahun berlalu tentu meninggalkan beberapa catatan yang perlu direnung kembali untuk dijadikan pengajaran dan iktibar dalam menghadapi tahun yang mendatang. Tahun yang telah berlalu biarlah menjadi pencetus kepada tindakan untuk tahun yang berikutnya. Janganlah kegagalan yang lalu menjadi penghalang untuk kita meneruskan kehidupan di dunia ini. Kehidupan kita sebagai seorang Muslim perlulah sentiasa menuju ke arah yang lebih baik. Saidina Umar R.A pernah berpesan : (maksudnya)

“Celakalah bagi orang Muslim yang hari ini lebih buruk dari hari semalam dan hari esok lebih buruk dari hari ini.”

Sedar atau tidak, umat Islam kini sedang menempuh kecelakaan apabila kehidupan mereka hari ini lebih buruk dari semalam. Jika suatu masa dahulu umat Islam pernah mencapai zaman kegemilangannya, tetapi malangnya kedudukan itu tidak berterusan dan runtuh disebabkan kelalaian umat Islam sendiri. Kecemerlangan umat Islam kini hanya sekadar satu catatan sejarah. Namun perlu diingat bahawa nasib yang membelenggu umat Islam sekarang bukanlah satu takdir yang tidak boleh diubah. Selagi kita berusaha, Insyallah kecemerlangan itu sentiasa berada di hadapan kita. Kecelaruhan pemikiran umat Islam mesti ditangani segera. Tanggapan bahawa kehidupan di dunia hanya untuk orang kafir perlu diubah. Terdapat sebahagian umat Islam yang menolak ajakan agar berusaha lebih gigih bagi merebut kejayaan dan kebahagiaan di dunia. Hakikatnya Islam sentiasa menggalakkan agar umatnya sentiasa berusaha di dunia ini serta menggalakkan mereka untuk berlumba-lumba mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah disediakan untuk hari esok (hari akhirat). Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha meliputi pengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.”
(Al-Hasyr:18)

Di gerbang tahun baru ini, marilah kita menekadkan azam dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan iman dan taqwa, memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam, memperbaiki akhlak dan membina sahsiah diri, agar semua aspek kehidupan kita semakin baik dari semasa ke semasa. Yang pasti setiap Muslim tidak patut mensia-siakan masa yang ada. Laksanakanlah segala perintah Allah, jauhi segala laranganNya, elakkan daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat. Kehidupan ini perlulah diteruskan untuk mencipta kejayaan, bukan mencipta kegagalan. Semoga pada tahun baru nanti, kita hidup dengan aman, cemerlang, gemilang dan terbilang samada di dunia dan di akhirat. Para Hukama' juga ada berkata : ***“Masa itu terbahagi kepada tiga, masa yang telah lalu, masa sekarang dan masa yang akan datang. Orang yang bijaksana akan menjadikan masa yang telah lalu sebagai kenangan, masa yang sedang dilalui adalah kenyataan dan masa yang akan datang adalah cita-cita.”***

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف أنبياء
والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. di atas kurniaan serta Inayah-Nya jua dapat kita meneruskan perkhidmatan di tahun baru 2007 Masihi dengan kesihatan yang baik dan keselamatan yang terjamin.

Kelaziman di awal tahun sepertimana tahun-tahun yang lalu, pada keseluruhannya bagi mereka yang mempunyai karier serta menjalankan perniagaan melaksanakan pelbagai perancangan masing-masing. Tidak terkecuali bagi kita semua, perancangan aktiviti serta program JKSM serta JKSN bagi tahun 2007 telah kita rancang lebih awal pada akhir tahun 2006 yang lalu di dalam Mesyuarat Blueprint JKSM Tahun 2007. Matlamat blueprint ini adalah untuk langkah awalan bagi kita semua yang berkhidmat di institusi kehakiman syariah di negara ini merancang pergerakan kerja bagi tahun 2007 dengan lebih kemas dan tersusun.

Pengurusan masa bagi memberikan perkhidmatan kepada orang ramai amatlah penting terutama bagi perkhidmatan pengurusan kes di Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Pihak pengurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri perlulah merancang lebih awal pergerakan pegawai dan kakitangan yang akan terlibat di dalam aktiviti dan program di dalam blueprint. Selain daripada itu, setiap Pegawai Syariah yang merancang untuk mengikuti mana-mana program latihan pada tahun 2007 perlulah juga merancang dan mengemukakan permohonan mengikuti kursus/ bengkel/ seminar / peperiksaan perkhidmatan dan sebagainya lebih awal supaya jadual perbicaraan kes dapat diselaraskan dengan baik dan tidak menimbulkan kesulitan kepada pelbagai pihak. Saya mempunyai keyakinan sekiranya semua di kalangan kita dapat mengatur jadual kerja dengan kemas dan teratur, semua pihak tidak akan merasa terganggu sekiranya kita tidak berada di dalam pejabat kerana telah dimaklumkan dengan lebih awal-awal lagi. Bagi diri saya tiadalah kebaikan daripada perancangan blueprint sekiranya kalangan kita tidak mengambil inisiatif yang positif dalam memperkemas jadual kerja kita sendiri.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru agar kita semua bersungguh-sungguh mempertingkatkan amal ibadat kita kepada Allah s.w.t. Kita tidak harus lupa bahawa amal ibadat bukannya suatu perkara yang boleh dijadikan perkara sampingan dalam menjalankan kehidupan seharian. Kita mempunyai kesempatan yang cukup baik untuk menyeru orang lain berbuat baik dan nasihat agama lebih-lebih lagi di dalam mahkamah. Sebenarnya itulah perbezaan kita dengan mahkamah-mahkamah yang lain.

Sekian terima kasih.

Wassalam

Datuk Sheikh Ghazali bin Hj. Ab. Rahman



WARGA JKSM MENGUCAPKAN
SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA
Y.A.A. KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM
DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN

1428H
2007M



* FOTO-FOTO UNTUK ACARA SAMBUTAN
MAAL HIJRAH ADALAH EHSAN JAKIM

“Saya
juga ingin
melahirkan
setinggi-
tinggi rasa
syukur ke
hadrat Allah
s.w.t atas
rezekiNya.
Sedikit
pun tidak
terlintas di
fikiran untuk
menerima
anugerah
berprestij
seperti ini.”



YANG AMAT ARIF
DATUK SHEIKH
GHAZALI B. HJ.
ABDUL RAHMAN

ANUGERAH
PENGHARGAAN MAAL
HIJRAH BAGI TAHUN
1428H





“Saya kira pengiktirafan ini sewajarnya dikongsi bersama oleh warga kerja kehakiman syariah di seluruh negara dan umat Islam di negara ini amnya”

Ketika ditemui selepas selesai majlis, Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, berkata, beliau akan menggunakan wang itu untuk pembelajaran lapan anaknya. “Saya juga ingin melahirkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t atas rezekiNya. Sedikit pun tidak terlintas di fikiran untuk menerima anugerah berprestij seperti ini. Saya kira pengiktirafan ini sewajarnya dikongsi bersama oleh warga kerja kehakiman syariah di seluruh negara dan umat Islam di negara ini amnya”

Menurut beliau yang berasal dari Kampung Tobiar, Pendang, Kedah, merasakan pendidikan penting bagi membolehkan seseorang itu berubah untuk memastikan kesejahteraan hidup boleh dicapai dan berada pada tahap yang mulia di sisi Allah.

“Saya masih teringatkan kesusahan dialami apa bila terpaksa berjalan kaki sejauh 10 kilometer ke pekan Pendang untuk menaiki bas ke Maktab Mahmud tempat saya belajar dan hanya membawa wang belanja RM1 sehari,” katanya.

Sehubungan dengan itu, warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali dan Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Muhammad Ali Hashim di atas penganugerahan tersebut. Semoga kejayaan Yang Amat Arif Datuk dan Y. Bhg. Tan Sri menjadi inspirasi kepada semua warga JKSM untuk meningkat prestasi kerja





MAAL HIJRAH TIMBALAN PENGARAH SIVIL, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Timbalan Pengarah Sivul, Kementerian Undang-Undang, Tuan Mustafa Qiyadi telah menyampaikan sambutan Maal Hijrah Jabatan Syariah Malaysia (JKSM) pada 12 Januari 2007. Beliau didatangkan khas bagi menyampaikan ucapan sebagai meraikan lawatannya ke JKSM bersama dengan Persidangan Antarabangsa Undang-Undang Keluarga Islam 2007 anjuran bersama JKSM dan Persidangan Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Beliau menyentuh tentang peri pentingnya amanah dalam menjalani kehidupan seharian. Tambah beliau lagi, menjaga amanah itu walaupun nampak mudah, mempunyai implikasi yang besar jika dikhianati.

Beliau menyampaikan tazkirahnya di dalam Bahasa Arab dan diterjemahkan oleh Ustaz Khairul Hamiz Mohd Husin. Majlis diperdengarkan dengan bacaan ayat Al-Quran oleh Ustaz Fuad Kasim.

Majlis tersebut dihadiri oleh semua warga kerja JKSM dari pelbagai peringkat. Ianya diakhiri dengan sedikit hiburan. Beliau seterusnya dibawa melawat ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi meninjau suasana fizikal mahkamah. Beliau turut diiringi oleh Yang Arif Dato' Hj. Muhammad Asri B. Hj. Abdullah. Beliau menyampaikan ucapan oleh Yang Arif Tuan Ibrahim B. Deris, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya. Pada sebelah petang beliau berada di UIAM untuk menyampaikan ceramah. Beliau diiringi oleh Pegawai JKSM, En. Haris Kasim dan Pegawai Pengiring.





Majlis Wacana Y.A.A. Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM

Majlis Tahunan yang biasanya diadakan pada awal tahun pada 12 Januari 2007 bertempat di Bilik Mesyuarat Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Cawangan Putrajaya. Kehadiran terdiri dari kalangan Y.A.-Y.A Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Y.A.A. Ketua Hakim Syarie Negeri -Negeri, Ketua Pendaftar JKSM dan JKSN, Timbalan Ketua Pengarah Syariah Biro Bantuan Guaman Malaysia serta Pegawai Syariah dari Jabatan Peguam Negara. Di antara intipati wacana Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM adalah saranan agar semua pegawai-pegawa syariah kanan dapat mempertingkatkan komitmen terhadap program-program yang telah disusun oleh JKSM demi kebaikan bersama.

Persidangan Antarabangsa Undang-Undang Keluarga 2007 Di Abad ke 21 "Cabaran dan Hala Tuju"

Persidangan antarabangsa ini telah diadakan dengan anjuran Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 16 hingga 17 Januari, 2007 bertempat di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur. Para perwakilan daripada luar negara serta dalam negara termasuk Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri, Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri-negeri dan pegawai-pegawai kanan JKSM. Pembentangan kertas kerja terdiri daripada tokoh-tokoh perundangan Islam dari luar negara serta dalam negara. Persidangan telah dihasmikan oleh Y.A.A. Damik Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.



Kursus Pemahaman Undang-Undang
Keluarga Islam Kepada Pembantu
Syariah Gred LS 17

Kursus telah diadakan pada 15-18 Januari 2007 bertempat di DWC Sri Cempaka Cheras Kuala Lumpur. Peserta terdiri dari Pembantu-Pembantu Syariah Gred LS 17 dari JKSM serta JKSN. Fasilitator pula terdiri dari Hakim-Hakim Syarie JKSN serta Pengarah-Pengarah Cawangan JKSM




Kursus Pemahaman Undang-Undang
Keluarga Islam Kepada Pembantu
Syariah Gred LS 41

Kursus telah diadakan pada 22-25 Januari 2007 bertempat di Hotel City Bayview, Bandar Hilir Melaka. Peserta kursus terdiri dari Pegawai Syariah Gred LS 41 dari JKSM serta JKSN



Bengkel Key Performance Indicator (KPI) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri.

Bengkel telah diadakan pada 8-10 Januari 2007 bertempat di Hotel Quality Jalan Raja Laut Kuala Lumpur .Bengkel dipengerusikan oleh Y.A,A Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman,Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM manakal ahli-ahli terdiri daripada Y.A.A Ketua Hakim Syarie Negeri danKetua-Ketua Pendaftar JKSN dan para pegawai dari pada JKSM. Matlamat bengkel adalah untuk membincang serta merumuskan KPI JKSN sebelum digunapakai.



lawatan kerja mahkamah syariah brunei darussalam

“Kehadiran tuan-tuan merupakan satu pengiktirafan dan semangat buat warga kerja JKSM ke arah memartabatkan kehakiman syariah di negara ini”



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menerima rombongan seramai 3 orang dari Mahkamah Syariah Brunei Darussalam. Mereka ialah Tuan Hj. Mohd Serudin B. Hj. Timbang, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Tuan Hj. Hassan B. Hj. Metali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Tuan Pengiran Hj. Mohammadin B. Pengiran Hj. Aliakbar, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah pada 22 Januari 2007.

Mereka sebelum itu telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali B.

Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM, Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan JKSM dan para Pegawai Kanan JKSM. Rombongan ini diiringi oleh Pegawai JKSM, En. Haris Kasim selaku Pegawai Pengiring. Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam, Tuan Hj. Mohd Serudin Hj. Timbang telah melahirkan ucapan terima kasih di atas kesudian JKSM menerima kehadiran rombongan mereka. Antara lain, beliau juga menyatakan tentang harapan rombongan ini agar dapat sama-sama berkongsi pengalaman dan mencambahkan idea agar dapat pihak Mahkamah Syariah Brunei Darussalam mempraktikkan di dalam pengurusan harian mahkamah.

Datuk Sheikh Ghazali di dalam ucapan balasnya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada delegasi Brunei kerana menjadikan JKSM sebagai salah satu destinasi lawatan kerja mereka. "Kehadiran tuan-tuan merupakan satu pengiktirafan dan semangat buat warga kerja JKSM ke arah memartabatkan kehakiman syariah di negara ini" kata beliau lagi.

Selama 2 hari di JKSM, para delegasi ini diberi taklimat berkenaan struktur pentadbiran JKSM dan juga menyentuh serba sedikit mengenai peranan JKSM di dalam pentadbiran kehakiman di negara ini.



Majlis Perpisahan Warga JKSM



JKSM dengan kerjasama Badan Kebajikan Pegawai dan Kakitangan JKSM telah menganjurkan majlis perpisahan pada 12 Januari 2007 kepada beberapa warga JKSM yang telah bertukar ke Jabatan Lain diantaranya, Tuan Haji Hasbullah bin Hassan, Pengarah PPSM, Encik Ahmad Joharee bin Mohamed, Penolong Pengarah PPSM, Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin, Pegawai Penyelidik, Cawangan Penyelidikan JKSM, Encik Abdul Shukor bin Jaafar, Pegawai Khidmat Pelanggan dan Cik Hasna' Zaharah binti Mohamad Pembantu Tadbir Rendah. Penyampaian cenderahati disempurnakan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM. Buletin JKSM mengucapkan Penghargaan di atas sumbangan bakti kesemua pegawai yang telah berkhidmat di JKSM.

MUHASABAH TAHUN BARU HIJRAH 1428H

Sahabat-sahabat yang dikasihi,

Tahun Hijrah telah melabuhkan tirainya sedar atau tidak kita telah menyambut kehadiran bulan Hijrah yang baru. Marilah sama-sama kita mohon ampun daripada Allah s.w.t supaya diampunkan dosa-dosa yang lalu dan memelihara tingkah laku kita untuk menghadapi hari-hari mendatang yang cukup mencabar dengan mehnah dan tribulasi seterusnya marilah sama-sama kita mohon kepadaNya agar tahun baru Hijrah yang disambut dengan penuh keazaman yang tinggi dan menyelami episod perit jerih perjalanan dakwah junjungan mulia Nabi Muhammaad S.A.W dari bumi Mekah ke Kota Madinah.

Persiapkanlah diri dengan ilmu dan amal. Ayuh ! Ingatkan sesama kita erti sebenar Hijrah yang tersepit padanya jutaan hikmah yang tidak akan tercapai melainkan dengan mata hati yang tunduk kepadaNya. Jangan biarkan masa yang hanya datang setahun sekali ini berlalu dengan lidah yang tidak dibasahi dengan zikrullah serta selawat dan jangan biarkan minda yang dikurniakan Allah ini kosong dan beku tanpa memikirkan tentang kebesaranNya, sentiasalah pujuk diri yang angkuh ini tunduk sujud kepadaNya, ingatkanlah keluarga kita dengan peristiwa Hijrah. Alangkah bahagianya, alangkah indahnya hidup di dalam keluarga yang mengamalkan titah perintahNya dan menjauhi segala laranganNya disamping dikerumuni cahayamata yang dididik dalam madrasah Hijrah serta dibelai manja oleh isteri tercinta umpama bidadari syurga.

Perkara penting yang mesti kita tanamkan ialah proses hijrah tidak terhenti dengan kisah perpindahan Nabi Muhammad bersama golongan muhajirin dari kota Makkah ke kota Madinah tetapi hijrah itu sebenarnya kekal dan berjalan terus ada hingga ke akhir hayat itulah yang dimaksudkan dengan Hijrah Maknawiyah. Nabi Muhammad S.A.W. pernah berpesan kepada ummatnya selepas berlakunya pembukaan Makkah : *“ Tiada lagi Hijrah selepas pembukaan Makkah akan tetapi yang tinggal adalah jihad dan niat ”* (Riwayat Bukhari)

Erti sebenar Hijrah ialah menjadikan setiap pergerakan, kerja dan tugas duniawi ini keranaNya semata-mata. Beriltizamlah dengan syariatNya serta berpegang teguh dengan sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Sentiasalah memperbaharui niat setiap detik dan ketika serta mengingatkan sahabat sekerja supaya memperbaharui niat di dalam segenap penjurru kehidupan mereka. Tingkatkan kualiti kerja dan gembelangkan sedaya mungkin potensi diri yang ada. Eratkanlah ukhuwwah sesama sahabat di tempat kerja jauhilah persengketaan, murahkanlah senyuman lebarkanlah persahabatan

Hijrah juga membawa maksud mujahadah iaitu meninggalkan adab yang tidak baik serta mujahadah melawan hawa nafsu..Tanamkanlah nilai murni ini kepada sahabat sekerja dan jiran tetangga. Hijrah juga bererti Taubat ianya dapat diterjemahkan dengan cara kita meninggalkan maksiat dan berusaha sedaya yang mungkin menanggalkan kesan-kesannya yang berkudis lagi berparut di hati kita. Selagi jasad dikandung badan selagi maut tidak dijemput selagi itu pintu taubat sentiasa menggamit kita ke gerbangnya. Ayuh teman ! Jadikanlah diri kita insan yang sentiasa didalam taubat dan maghfirahNya. Selamat Menyambut Tahun Baru Hijrah 1428.

“ Tiada lagi Hijrah selepas pembukaan Makkah akan tetapi yang tinggal adalah jihad dan niat ”

(Riwayat Bukhari)

CAHAYAMATA WARGA JKSM

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat JKSM Mohamad Shahrizan bin Mohamad Ghulam telah dikurniakan cahayamata perempuan bernama Irdina binti Mohamad Shahrizan pada 15 Januari 2007 di HUKM Cheras, Kuala Lumpur. Buletin JKSM mengucapkan sekalung tahniah.

